

Bisnes



Tengku Zafrul (tengah) menyaksikan Justin Lim dan Somphote Ahunai bertukar dokumen perjanjian ketika majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara CFM Berhad dan Energy Absolute PCL di Kuala Lumpur.

(Foto Hafizul Anwar Bahin/B37)

Labur RM5 bilion bina kilang EV

**CFM, EA bentuk
usaha sama
hasil pulangan
kompetitif**

zaky@bh.com.my

Computer Forms Malaysia Bhd (CFM) dan **Energy Absolute Thailand PCL (EA)** yang membentuk syarikat usaha sama (JV), **Energy Absolute Malaysia** bercadang melabur RM5 bilion bagi membangunkan kilang pengeluaran kenderaan elektrik (EV) dan mengendalikan projek tenaga boleh diperbaharui (RE) di Malaysia.

Pelaburan mega yang disuntik syarikat senarai awam tempatan dan konglomerat terkemuka dari Thailand itu akan melibatkan pembinaan kilang pengeluaran di lokasi yang bakal dimuktamadkan kemudian sama ada di Negeri Sembilan, Selangor atau Melaka.

Pelaburan bersama syarikat JV dengan pegangan 50:50 itu akan didorong oleh pasukan baharu dari kedua-dua negara untuk menyepadukan penyelesaian

tenaga bersih dan mobiliti bagi membantu syarikat menyahkarbon secara berkesan.

Pengarah Urusan CFM, Datuk Justin Lim, berkata pembinaan kilang pengeluaran dalam tempoh 12 bulan akan datang itu bakal melibatkan keseluruhan ekosistem berkaitan EV dan RE.

"Kami melihat potensi permia-
n EV dan RE dalam segenap aspek kepakaran yang dimiliki. Ia bakal membangkitkan pembangunan tren, bas dan feri elektrik.

"Kami menjalankan pulangan untuk menghasilkan pulangan yang kompetitif dengan langkah menghijaukan sistem pengangkutan awam Malaysia dan syarikat usaha sama akan berusaha ke arah membawa masuk bas pintar, e-trak, e-kereta api dan e-feri untuk mengubah prasarana pengangkutan awam Malaysia dalam jangka sederhana," katanya kepada media selepas majlis peme-
teran perjanjian persefahaman CFM-EA di Kuala Lumpur, semalam.

Bawa masuk 200 bas EV

Perjanjian itu ditandatangani oleh Lim yang mewakili CFM, manakala EA pula diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Somphote Ahunai.

Pemeteran perjanjian itu

disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Lim berkata, untuk fasa pertama pembangunan perniagaan di Malaysia, Energy Absolute Malaysia membawa masuk 200 bas EV dengan sasaran mengubah landskap perkhidmatan awam ke arah penggunaan kenderaan mesra alam.

"Jika permintaan terus meningkat, kami akan beralih ke fasa kedua iaitu membina kilang pengeluaran di Malaysia. Buat masa ini kami meninjau pembinaan kilang sama ada di Negeri Sembilan, Selangor atau mungkin Melaka.

"CFM dan EA merancang untuk mengeluarkan bateri lithium-ion dan melabur dalam Sistem Penyimpanan Tenaga (ESS) dan stesen pengecasan untuk menyokong ekosistem EV Malaysia," katanya.

Sementara itu, Ahunai berkata, langkah pengembangan operasi di luar Thailand adalah kali pertama dalam tempoh beberapa dekad di mana kerjasama antara Thailand dan Malaysia menjadi kenyataan sebagai pelaburan modal yang konkrit, seterusnya memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.